



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Siap sedia hadapi gelombang kedua

**Kuala Terengganu:** Polis Terengganu bersiap siaga menghadapi gelombang kedua banjir yang diramalkan pada akhir bulan ini.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Aidi Ismail berkata, beliau berpuas hati dengan tindakan setiap agensi ketika banjir gelombang pertama awal bulan lalu yang berjalan lancar.

“Saya melawat beberapa lokasi dilanda banjir gelombang pertama dahulu membabitkan proses pemindahan dan pendaftaran mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS). Ia berjalan lancar dan tiada aduan diterima daripada orang ramai,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Kenderaan Mitsubishi Outlander kepada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini, semalam.